

20/06/2001

Salah sendiri: Dr M (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Umno tidak boleh menyalahkan orang lain atas sebarang kejadian politik wang, kecuali diri sendiri, kerana merekalah yang bertanggungjawab dalam setiap pemilihan pemimpin parti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, semua urusan pemilihan, daripada peringkat cawangan sehinggalah kepada Majlis Tertinggi (MT), dilakukan oleh ahli dan justeru, mereka harus bertanggungjawab.

Sehubungan itu, Presiden Umno berkata, cara mudah untuk membersihkan gejala politik wang dalam parti itu ialah jangan memilih mereka yang dianggap tidak bersih.

"Cara yang mudah untuk membersihkan MT ialah jangan pilih orang yang tidak bersih. Yang duduk ni (barisan MT) semua orang yang dipilih oleh perwakilan. Perwakilan yang pilih, bukan kita yang pilih.

"Saya ambil menteri besar masuk, menteri besar itu pun dipilih oleh orang ramai. Kita, kalau tak suka... awal-awal lagi jangan pilih. Ada yang kata `Di atas itu (MT) pun samalah'. Ya, samalah... tapi you (perwakilan) yang pilih, tak usah pilihlah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan amanat kepada kira-kira 2,000 pemimpin Umno peringkat bahagian hingga MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Majlis tertutup itu diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula Khamis ini. Perhimpunan itu akan didahului dengan persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, esok.

Beliau diminta mengulas cadangan bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba bahawa tindakan membanteras politik wang perlu juga dibuat pada peringkat MT.

Dr Mahathir berkata, langkah Umno membanteras politik wang bukan hanya untuk membersihkan parti, tetapi juga sebagai peringatan kepada ahli supaya tidak terjebak dalam gejala itu.

"Apa yang kita mahu lakukan ialah membersihkan parti dan ia juga sebagai amaran bahawa sesiapa saja menggunakan cara yang tidak boleh diterima dalam berkempen, tindakan (disiplin) akan dikenakan terhadap mereka," katanya sambil menambah, beliau tidak menganggap berlaku double standard dalam keputusan Lembaga Disiplin.

"Double standard ada di mana-mana. Bila terkena, kita berasa tidak patut. Saya nampak ramai yang terima apa yang cakap (ketika menyampaikan amanat). Ini ahli Umno yang asli. Memanglah ramai yang tidak puas hati," katanya.

Isu politik wang adalah antara perkara yang disentuh dalam amanatnya petang ini.

Lembaga Disiplin Umno setakat ini melucutkan jawatan 12 pemimpin peringkat bahagian, termasuk lima ketua bahagian yang didapati bersalah dalam gejala politik wang.

Perdana Menteri berkata, dalam amanatnya kepada perwakilan, beliau menjelaskan mengenai proses pengadilan oleh Lembaga Disiplin Umno.

"Saya terangkan dalam perkara semacam ini mungkin ada orang yang terlepas dan orang yang nasib tidak baik, terperangkap. Sistem perundangan negara pun macam itu juga... banyak orang yang membunuh, tetapi tidak semua pembunuh ditangkap," katanya.

Presiden Umno berkata, beliau berpuas hati dengan tugas yang dilaksanakan Lembaga Disiplin dan tidak teragak-agak menambah keanggotaannya jika ia didapati tidak mencukupi.

Ditanya sama ada tindakan Lembaga Disiplin mengenakan hukuman tertentu terhadap mereka yang didapati bersalah dalam politik wang itu boleh memberi suntikan baru kepada parti, beliau berkata: "Sama ada ia memberi nafas baru atau tidak, saya tidak tahu."

Menjawab soalan sama ada beliau akan membuat pengumuman besar dalam ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno, Khamis ini, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Awak semua kena tunggulah. Bagi awak suspens sikit. Kalau saya beritahu sekarang, tidak seronoklah, awak mungkin tak mahu datang."

(END)